



TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN KEPADA YBHG. PROFESOR DATO' ABDULLAH DAN SEMUA AHLI JAWATANKUASA PEMILIHAN ATAS PENGENDALIAN AGENDA 9 ITU TADI. SAYA CUKUP BERBESAR HATI DAN TERHARU ATAS SOKONGAN DARIPADA SEMUA AHLI FAM SEHINGGA MELAYAKKAN SAYA UNTUK MEMIMPIN FAM BUAT PENGGAL YANG SETERUSNYA.

SAYA SEDAR DAN CUKUP MEMAHAMI SEGALA HARAPAN YANG DILETAKKAN PADA BAHU SAYA. PERCAYALAH, SAYA BUKANLAH SEORANG PRESIDEN YANG LUAR BIASA TETAPI SAYA ADALAH SEORANG PRESIDEN YANG TIDAK KENAL ERTI PUTUS ASA DAN MENGALAH. I'M A PRESIDENT WHO CHOOSES HOPE OVER FEAR. YOU AND I SHOULD SEE THE FUTURE NOT AS SOMETHING OUT OF CONTROL, BUT AS SOMETHING THAT WE CAN SHAPE FOR THE BETTER THROUGH CONCERTED AND COLLECTIVE EFFORT. YES, OUR STORIES MAY BE SINGULAR BUT MIND YOU, OUR DESTINATION IS SHARED.

DI KESEMPATAN YANG SAMA, SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN JUGA DIRAKAMKAN KEPADA PARA PERWAKILAN YANG TELAH MEMBERI KERJASAMA SEHINGGA PERJALANAN PROSES PEMILIHAN BERJALAN DENGAN CUKUP LICIN DAN SEMPURNA. SITUASI INI SEKALI LAGI MEMBUKTIKAN BETAPA KUKUHNYA IKATAN SOLIDARITI DALAM KALANGAN KELUARGA BOLA SEPAK NEGARA.



**SIDANG KONGRES DAN PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI,

SEKARANG KITA SUDAH MELANGKAH KE AGENDA TERAKHIR
UNTUK KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-57. PROSES
PEMILIHAN ADALAH SATU AMALAN DEMOKRASI YANG CUKUP
PENTING DALAM FAM. SEDAR ATAU TIDAK, PROSES
PEMILIHAN ADALAH MERUPAKAN SATU PLATFORM YANG
MENGUKUHKAN LAGI IKATAN PERSEFAHAMAN KITA DALAM
SATU KELUARGA BOLA SEPAK YANG BESAR INI.**

**SEPERTIMANA PERMAINAN BOLA SEPAK ITU SENDIRI, KALAH
MENANG ADALAH ASAM GARAM DAN ADALAH TIDAK WAJAR
UNTUK IANYA DIJADIKAN ALASAN YANG MENJURUS KEPADA
PERPECAHAN DAN BERDENDAM BARA. FOOTBALL IS A
UNIFYING SPORT AND WE SHOULD BE UPHOLDING THAT
PRINCIPLE UNDER ANY CIRCUMSTANCES.**

**KEPADA CALON-CALON YANG GAGAL DALAM SAINGAN
PEMILIHAN TADI, SAYA INGIN BERPESAN, PERANAN DAN
SUMBANGAN ANDA TETAP BERMAKNA. SUMBANGAN BOLEH
DATANG DALAM PELBAGAI CARA DAN KAPASITI. JANGAN
PISAHKAN DIRI ANDA DARIPADA BOLA SEPAK, SEBAB BOLA
SEPAK ADALAH MILIK SEMUA DAN IANYA AKAN SENTIASA
MENAGIH KERINGAT DAN KUDRAT KITA SEMUA.**



SIDANG KONGRES YANG DIRAHMATI ALLAH,

SELAKU PRESIDEN FAM YANG KINI MEMASUKI PENGGAL KEDUA, SAYA SEDAR RAMAI YANG MENUNGGU DAN TERTANYA-TANYA APAKAH LANGKAH SETERUSNYA YANG BAKAL SAYA AMBIL UNTUK MEMBAWA INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI. SETELAH MEMIKIRKAN PERKARA INI SECARA TELITI, IZINKAN SAYA UNTUK BERKONGSI BEBERAPA LANGKAH YANG AKAN SAYA AMBIL DALAM MASA TERDEKAT INI.

PERTAMA, SEBAGAI USAHA UNTUK MEMPERKUKUHKAN LAGI POLISI DAN KAEDAH PENGURUSAN BOLA SEPAK NEGARA, SUMBANGAN IDEA SEMUA PIHAK HENDAKLAH DIAMBIL KIRA. PANDANGAN SECARA DALAMAN ATAU DALAM KALANGAN MEREKA YANG BERLATARBELAKANGKAN PENGALAMAN BOLA SEPAK KEKAL RELEVAN TETAPI SUARA HATI MEREKA YANG BUKAN DARI RANGKAIAN BOLA SEPAK, KHUSUSNYA DARI SEKTOR BERBEZA JUGA PERLU DIBERI SEPENUH RUANG. OLEH HAL YANG SEDEMIKIAN, PENYERTAAN DI PERINGKAT JAWATANKUASA FAM KINI AKAN TURUT DIBUKA KEPADA GOLONGAN INI. SEBAGAI LANGKAH AWAL, SAYA INGIN



MENCADANGKAN PENUBUHAN SATU BADAN YANG DIKENALI SEBAGAI PRESIDENTIAL TASK FORCE BAGI MEMENUHI HASRAT INI. SAYA HARAP PERKARA INI AKAN MENDAPAT SOKONGAN DARIPADA SEMUA PIHAK.

KEDUA, SEBAGAI LANGKAH UNTUK MEMASTIKAN KEPIMPINAN FAM BENAR-BENAR MEMIKUL TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SERTA MEMENUHI JANJI KETIKA BERKEMPEN, SETIAP AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF AKAN DINILAI DARI SEGI PRESTASI DI MANA DATA PENCAPAIAN AKAN DIKONGSI PADA SETIAP KALI KONGRES BERSIDANG. AS A STEP TO MOVE FORWARD WITH THIS PRINCIPLE, THE INTRODUCTION OF KEY PERFORMANCE INDEX OR K.P.I SHALL BE IMPLEMENTED AND ENFORCED ACCORDINGLY. SAYA AMAT BERHARAP SEMUA RAKAN DALAM JAWATANKUASA EKSEKUTIF MEMAHAMI HASRAT DAN MATLAMAT PENDEKATAN INI.

SEPERTI YANG SAYA UNGKAP DALAM UCAPAN DASAR KETIKA KONGRES TAHUNAN YANG LALU, KITA WAJAR BERBUAT SESUATU UNTUK MENJADIKAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA SEBAGAI SATU INDUSTRI YANG DIBERI PENGIKTIRAFAN. INI ADALAH PENTING TERUTAMA APABILA KITA BERHADAPAN DENGAN IMPAK EKONOMI SEPERTI APA SEDANG KITA HADAPI PADA MASA KINI. PERTIMBANGAN DARIPADA KERAJAAN UNTUK MENGIKTIRAF INDUSTRI INI



AMATLAH DIDAMBAKAN DENGAN HARAPAN IANYA AKAN DIBERI PERLINDUNGAN SEPERTIMANA YANG TELAH DINIKMATI OLEH PENGGIAT INDUSTRI LAIN SELAMA INI. DALAM KITA MENYUARAKAN HARAPAN UNTUK PENGIKTIRAFAN INI DITERIMA DAN SEBAGAI SATU ORGANISASI YANG BERTANGGUNGJAWAB, SELOKNYA KITA JUGA TURUT MENAWARKAN SESUATU YANG LEBIH JELAS YANG AKAN MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (GDP) NEGARA.

DALAM KONTEKS INI, SAYA AKAN MENGESYORKAN KEPADA KERAJAAN MENGENAI POTENSI YANG DIJANAKAN OLEH INDUSTRI YANG BERKAITAN DENGAN BOLA SEPAK YANG SAYA KENALI DENGAN NAMA FOOTBALL TOURISM INDUSTRY. INDUSTRI INI JIKA DIPELOPORI SECARA SEPENUHNYA DAN MENGAMBIL KIRA INFRASTRUKTUR DAN LOGISTIK NEGARA YANG SERBA LENGKAP, IN SHA ALLAH AKAN MENJANAKAN PENDAPATAN YANG LUMAYAN, BUKAN SAHAJA KEPADA BOLA SEPAK NEGARA BAHKAN JUGA KERAJAAN. KEDUA-DUA PELAN INI AKAN DIDALAMI SECARA KHUSUS SEBELUM IA DIKEMUKAKAN SEBAGAI CADANGAN LENGKAP KEPADA KERAJAAN. INILAH LANGKAH KETIGA YANG SAYA AKAN BERI PERHATIAN DALAM TEMPOH MASA TERDEKAT INI.

DI SAMPING KITA MEMBANGUNKAN BOLA SEPAK DI SEMUA PERINGKAT, TUMPUAN KE ATAS GOLONGAN TERTENTU TETAP AKAN SAYA UTAMAKAN. SEBAGAI PRESIDEN, SAYA AKAN



PASTIKAN BOLA SEPAK MAMPU DINIKMATI OLEH SEMUA GOLONGAN. TIADA YANG TERCICIR DAN TIADANYA JURANG. GOLONGAN YANG DIMAKSUDKAN INI ADALAH DARI KALANGAN ANAK-ANAK KAUM CINA, INDIA DAN MANA-MANA KAUM YANG DILIHAT KURANG DIBERI PERHATIAN ATAU AGAK KETINGGALAN DALAM ARUS PEMBANGUNAN BOLA SEPAK NEGARA. DENGAN ADANYA TUMPUAN SECARA BERSASAR INI, BOLA SEPAK AKAN BERJAYA MEMENUHI MATLAMATNYA UNTUK BERFUNGSI SEBAGAI UNIFYING SPORT.

APA YANG SAYA KUPAS TADI ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KANDUNGAN PERANCANGAN BAHARU YANG AKAN SAYA USAHAKAN SELEPAS INI. BUTIRAN LANJUT MENGENAINYA AKAN SAYA BAWA KE PERINGKAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF UNTUK DIPERHALUSI DAN DISUSUN RAPI DAN DIJADIKAN SEBAGAI LANGKAH PERANCANGAN YANG BERKALA DAN BERSISTEMATIK. KESEMUA TUMPUAN BAHARU INI JUGA AKAN DITERJEMAHKAN UNTUK MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA INTIPATI F:30 SAMA ADA UNTUK BAKI TEMPOH KITARAN PERTAMA ATAU DIJADIKAN KANDUNGAN TAMBAHAN DALAM KITARAN KEDUA.

SIDANG KONGRES DAN PARA HADIRIN,

PRESIDEN OBAMA PERNAH MELAFAZKAN



‘FOR US TO BE BETTER, WE HAVE TO KEEP ON EXPLORING. KEEP DREAMING. KEEP ASKING WHY. WE CAN’T SETTLE WITH WHAT WE ALREADY KNOW OR HAVE. WE SHOULD NEVER STOP BELIEVING IN THE POWER OF IDEAS, IMAGINATION AND HARD WORK TO CHANGE FOR THE BETTER. THE FUTURE REWARDS THOSE WHO PRESS ON. WE DON’T HAVE TIME TO FEEL SORRY FOR OURSELVES, NEITHER WE HAVE TIME TO COMPLAIN. WE ARE GOING TO PRESS ON’

HARI INI PULA, SAYA MELAFAZKAN

‘IF THERE IS A BOOK WE WANT TO READ, BUT IT HAS NOT BEEN WRITTEN YET, THEN YOU AND I MUST WRITE IT’

DENGAN ITU SAYA MENANGGUHKAN KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-57 BAGI PENGGAL 2017-2021.

**WABILLAHl TAUFIQ WAL-HIDAYAH WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHl WABARAKATUH**